



—Tuan/Puan,

IKLAN JAWATAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH) BAGI JAWATAN PEREKA GRAFIK DI PERBADANAN PEMBANGUNAN SUNGAI DAN PANTAI MELAKA (PPSPM)

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia (anak kelahiran Melaka) yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun hingga 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi jawatan berikut:-

- | | | | |
|----|-----------------|--------------------------|--|
| 1. | (a) | JAWATAN | Pereka Grafik |
| | (b) | TARAF JAWATAN | Pekerja Sambilan Harian (PSH) |
| | (c) | KUMPULAN PERKHIDMATAN | Sokongan |
| | (d) | KLASIFIKASI PERKHIDMATAN | Perkhidmatan Sokongan |
| 2. | JADUAL UPAH | | RM54.00 sehari |
| 3. | SYARAT LANTIKAN | | <ul style="list-style-type: none">a) Warganegara Malaysia;b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;c) Mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan /atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan;d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat Kepujian dalam subjek |

Pendidikan Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut;

- e) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
4. FUNGSI BIDANG TUGAS
- a) Mengurus dan menyelaras media sosial Jabatan;
 - b) Berkebolehan mengendalikan kamera DSLR dan drone;
 - c) Menyelaras laporan Unit Grafik;
 - d) Mempunyai daya kreativiti dalam bidang videografi dan fotografi;
 - e) Mahir menggunakan editing software (Adobem PS, Ai dan Canva)
5. CARA MEMOHON
- a) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan Kosong yang boleh diperolehi di Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka, Dataran Pengkalan Rama, Pengkalan Rama Pantai, 75400 Melaka pada hari bekerja dan boleh dimuat turun melalui laman web di alamat www.ppspm.gov.my
 - b) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan kad pengenalan, salinan sijil persekolahan dan lain-lain dokumen berkaitan;
 - c) Permohonan berikut akan ditolak :
 - i) Tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan;
 - ii) Tidak lengkap atau tidak terang;
 - iii) Tidak mematuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;

- iv) Tidak ditulis dengan Nombor Kad Pengenalan;
- v) Tidak diturunkan tandatangan

6. ALAMAT PERMOHONAN

Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:-

**Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka,
Dataran Pengkalan Rama, Pengkalan
Rama Pantai
75100 Melaka**

7. TARikh TUTUP

24HB JANUARI 2025 (JUMAAT)

8. CATATAN AM

- a) Hanya calon-calon yang layak berdasarkan asas tapisan yang ditetapkan oleh Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM) dipanggil temuduga;
- b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ini ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya;
- c) Perbadanan tidak akan menanggung perbelanjaan bagi menghadiri temuduga kelak.

Sekian, terima kasih

“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”

“BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT”

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SHAHARUL AZUAR BIN IDRIS)

Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka